

LATIH TUBI SET 5

KERTAS 1

Jawab **semua** soalan.
Masa 1 jam 15 Minit

**BAHAGIAN A
(20 MARKAH)**

Jawab **semua** soalan

Soalan 1 hingga 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **bulatkan** jawapan anda di dalam kertas jawapan yang disediakan.

1. Yang manakah di antara berikut BUKAN contoh alam ghaib.
 - A. Alam rahim
 - B. Alam nyata
 - C. Alam barzakh
 - D. Alam akhirat

2.

Maksud hadis Rasulullah s.a.w : "Sesungguhnya segala amalan itu dengan niat".

Pernyataan di atas merujuk kepada contoh hadis berbentuk

 - A. Perkataan
 - B. Perbuatan
 - C. Pengakuan
 - D. Perkataan dan perbuatan

3.

Naskah Al-Quran yang bertulis tangan atau bercetak.

Pernyataan di atas menerangkan pengertian

 - A. Mufti
 - B. Mushaf
 - C. Mutawatir
 - D. Mukjizat

4. Berikut adalah ciri-ciri Negara Islam kecuali
 - A. Jaminan hak asasi
 - B. Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan
 - C. Keutamaan diberikan kepada umat Islam
 - D. Melaksanakan amar makruf nahi mungkar

5. Mengapakah menceroboh harta di larang dalam Islam?
 - A. Dapat menghapuskan sikap tolong menolong dan ukhuwah antara manusia
 - B. Menimbulkan kesedaran tentang kepentingan harta
 - C. Menjamin manusia hidup dalam kemewahan
 - D. Mendorong manusia rajin berusaha

6. Di antara yang berikut manakah BUKAN cara membelanjakan harta seperti yang dianjurkan oleh Islam.
 - A. Menyara diri dan keluarga
 - B. Melabur wang dalam skim cepat kaya
 - C. Mengeluarkan zakat dan sedekah
 - D. Menghulurkan bantuan kepada mangsa peperangan

LATIH TUBI SET 5

7. Mengapakah Islam menyuruh umatnya mencari harta secara halal?
- Supaya umatnya menjadi kaya
 - Supaya harta diberkati Allah s.w.t
 - Supaya harta tidak dibelanjakan dengan boros
 - Supaya harta sentiasa bertambah
8. Apakah langkah awal untuk menyelesaikan masalah menurut Islam.
- Beroda kepada Allah s.w.t
 - Berpegang teguh kepada ajaran Islam
 - Mengenal pasti masalah yang berlaku
 - Bertawakal kepada Allah s.w.t
9. Liberalisme ialah
- Fahaman yang menganjurkan sumber kekayaan milik negara
 - Fahaman yang memisahkan nilai agama dengan kehidupan
 - Fahaman yang terlalu ekstrim memberi kebebasan kepada individu
 - Fahaman yang mementingkan fahaman keduniaan semata-mata
10. Antara berikut adalah keistimewaan manusia KECUALI :
- Memiliki akal
 - Dilantik sebagai khalifah
 - Memiliki harta
 - Fizikal yang sempurna

Soalan 11 hingga 13 jawapan berdasarkan jadual berikut.

A	B	C	D
Menerima rasuah	Tidak bayar zakat	Melakukan pelaburan	Menyamun

11. Mendapatkan harta melalui jalan zalim.
12. Mendapatkan harta melalui pecah amanah
13. Mengabaikan hak-hak yang wajib ke atas harta.
14. Antara berikut yang manakah termasuk dalam harta boleh alih ?
- Tanah
 - Rumah kediaman
 - Ladang
 - Saham
15. Di antara berikut yang manakah BUKAN cara pengurusan harta yang berkesan.
- Membelanjakan harta ke jalan kemungkar
 - Memelihara dan memulihara sumber alam
 - Mengeluarkan zakat dan sedekah jariah
 - Melakukan perbuatan sabotaj
- i dan iv
 - ii dan iii
 - i dan iii
 - ii dan iii

16. Aspek-aspek kesederhanaan dalam Islam boleh dilihat melalui
- i. Akidah
 - ii. Ibadat
 - iii. Undang-undang
 - iv. Ekonomi
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. iii dan iv
17. Berikut adalah beberapa akibat jika agama dipisahkan daripada kehidupan **kecuali**
- i. Kemungkaran dan kezaliman berleluasa
 - ii. Berlakunya persengketaan dan penindasan
 - iii. Kemajuan negara dapat dicapai
 - iv. Masyarakat bersatu padu
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. iii dan iv
 - D. i dan iv
18. Antara bukti Islam bersifat alamiyyah ialah
- i. Tiada paksaan dalam agama
 - ii. Setiap kerja dikira ibadat jika mengikut syarat-syaratnya
 - iii. Tiada kebebasan mengamalkan agama dan budaya masing-masing
 - iv. Membela kebenaran dan menentang kebatilan.
- A. i dan iii
 - B. i, ii dan iv
 - C. iv sahaja
 - D. ii, iii dan iv
19. Penyelesaian masalah rumahtangga dapat diselesaikan dengan
- i. Talak
 - ii. Fasakh
 - iii. Khuluk
 - iv. Kufur
- A. i, ii dan iii
 - B. ii, iii dan iv
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
20. Antara berikut yang manakah bentuk-bentuk ujian Allah s.w.t terhadap manusia yang memiliki banyak harta.
- i. Allah memudahkan baginya untuk mendapatkan harta
 - ii. Suka membelanjakan harta ke jalan makruf
 - iii. Gemar membelanjakan harta ke jalan yang batil
 - iv. Bersikap angkuh dan sombong
- A. i, iii dan iv
 - B. i, ii dan iii
 - C. ii, iii dan iv
 - D. i, ii dan iv

LATIH TUBI SET 5

BAHAGIAN B
(20 MARKAH)

Jawab semua soalan

Masa yang dicadangkan untuk bahagian ini ialah 45 minit.

1. Berikut ialah beberapa pernyataan tentang hokum jenayah dalam Islam.


Tuliskan istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut di dalam ruangan yang disediakan.

- | | | |
|----|--|---|
| a) | Hukuman yang ditetapkan kerana kesalahan yang melibatkan kecederaan tubuh badan dan nyawa manusia. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| b) | Hukuman yang ditetapkan berbentuk harta benda menggantikan hukum qisas. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| c) | Hukuman yang tidak ditetapkan oleh syarak dan diserahkan kepada budi bicara hakim atau kadi. | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |
| d) | Menuduh seorang yang baik melakukan zina tanpa bukti | <input style="width: 100%; height: 20px;" type="text"/> |

2. Lengkapkan pernyataan berikut.

- a) Rububiyah ialah keyakinan dalam _____ secara mutlak bahawa Allah s.w.t pentadbir alam.
- b) Orang yang tidak beriman dengan tauhid Uluhiyyah menjadi _____.
- c) Allah s.w.t memiliki _____ nama yang mulia dan 20 sifat wajib dan mustahil.
- d) _____ ialah naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah s.w.t.
- e) Kekuasaan Allah s.w.t. meliputi langit dan bumi adalah konsep _____
- f) Beriman dengan kalimah syahadah adalah konsep _____

3. Carta di bawah adalah mengenai jenis-jenis pekerjaan dalam Islam.



a) Nyatakan jenis dan contoh pekerjaan pada X dan Y.

i. X : _____

ii. Y : _____

b) Berdasarkan contoh pekerjaan Y, berikan dua kebaikan pekerjaan tersebut.

i. _____

ii. _____

4. Tandakan samada pernyataan berikut **benar** ATAU **salah** dengan menandakan (/) pada kotak berkenaan.

	BENAR	SALAH
a) Budaya kerja Islam kurang menitikberatkan keikhlasan.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
b) Alam ghaib ialah alam yang berada di antara langit dan bumi.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
c) Nabi ialah lelaki pilihan Allah s.w.t , diberi wahyu untuk dirinya dan wajib menyampaikan kepada orang lain.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
d) Mengeluarkan zakat dan membayar cukai merupakan salah satu cara membelanjakan harta.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
e) Undang-undang dan hukum Islam tidak boleh berubah mengikut keadaan atau kehendak manusia.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
f) Hukum harus ialah perkara yang diberi kebebasan kepada seseorang untuk melakukan atau meninggalkannya.	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

KERTAS JAWAPAN**Bahagian A****1 A B C D****2 A B C D****3 A B C D****4 A B C D****5 A B C D****6 A B C D****7 A B C D****8 A B C D****9 A B C D****10 A B C D****11 A B C D****12 A B C D****13 A B C D****14 A B C D****15 A B C D****16 A B C D****17 A B C D****18 A B C D****19 A B C D****20 A B C D****BAHAGIAN A**

KERTAS 2
2 JAM 30 MINIT
(100 MARKAH)

Jawab Lima soalan.

Soalan **1 wajib** dijawab dan pilih **empat** soalan yang lain.

1. a. i. Apakah yang dimaksudkan dengan wahyu ?
[2 markah]
ii. Terangkan **tiga** perbezaan antara wahyu dan akal.
[6 markah]
 - b. Al-Quran adalah mukjizat yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada Nabi Muhammad s.a.w.
 - i. Terangkan **dua** cara al-Quran membimbing akal manusia berfikir.
[4 markah]
 - ii. Jelaskan **dua** cara untuk mewujudkan generasi yang memahami al-Quran.
[4 markah]
 - c. Nyatakan **dua** sebab Allah s.w.t. merahsiakan perkara ghaib.
[4 markah]
2. a. Terangkan maksud insan menurut Islam.
[2 markah]
 - b. i. Nyatakan perbezaan utama antara manusia dan haiwan.
[2 markah]
ii. Jelaskan **tiga** kebaikan memerhati dan memikir kejadian manusia.
[6 markah]
 - c. i. Rasul merupakan utusan Allah kepada manusia.
Nyatakan **tiga** peranan rasul.
[6 markah]
ii. Terangkan **dua** sumbangan alam terhadap manusia.
[4 markah]
3. a. i. Terangkan maksud Alamiyyah.
[2 markah]

LATIH TUBI SET 5

- ii. Nyatakan bukti bahawa Islam bersifat Alamiyyah. [4 markah]
- iii. Jelaskan prinsip-prinsip Alamiyyah. [4 markah]
- b. Kemukakan dua contoh sifat mahmudah dan mazmumah. [4 markah]
- c. Di Guyana, 912 pengikut ajaran sesat telah meminum racun dan mati bersama gurunya. (*Petikan Buku Teks Tasawwur Islam Ting. 4 m/s 85*)
- Petikan di atas membuktikan kesan keburukan ajaran sesat. Terangkan tiga cara mengelakkan diri daripada terlibat dengan ajaran tersebut. [6 markah]
4. a. Terdapat banyak cara untuk memperolehi harta dalam Islam.
- i. Jelaskan tiga cara memperolehi harta secara halal. [6 markah]
- ii. Nyatakan dua contoh sumber harta yang halal dan haram . [4 markah]
- b. Bekerja merupakan satu cara untuk mendapatkan harta.
- i. Nyatakan **empat** contoh pekerjaan yang dibenarkan oleh Islam. [4 markah]
- ii. Huraikan **tiga** matlamat bekerja menurut Islam. [6 markah]
5. a. Sistem muamalah Islam merupakan suatu peraturan yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada manusia.
- i. Apakah yang dimaksudkan dengan sistem muamalah Islam ? [2 markah]
- ii. Kemukakan **dua** contoh muamalat yang sah dan tidak sah dalam Islam. [4 markah]
- b. i. Senaraikan **empat** jenis muamalah. [4 markah]
- ii. Jelaskan **tiga** cara muamalah Islam dapat menaikkan taraf ekonomi umat Islam. [6 markah]

LATIH TUBI SET 5

- c. Terangkan **dua** akibat orang yang tidak jujur dalam perniagaan.
[4 markah]
6. a. Ibadat merupakan amalan kebaikan yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. bagi menghubungkan manusia dalam sesebuah masyarakat.
- i. Nyatakan **empat** contoh ibadat umum.
[4 markah]
- ii. Jelaskan **dua** perkara yang mengukuhkan ibadat seseorang.
[2 markah]
- b. Jelaskan tiga tanggungjawab suami dalam membentuk keluarga bahagia.
[6 markah]
- c. i. Nyatakan pengertian negara Islam.
[2 markah]
- ii. Jelaskan tiga ciri negara Islam.
[6 markah]
7. a. i. Jelaskan maksud penyelesaian masalah menurut Islam.
[2 markah]
- ii. Nyatakan tiga ciri penyelesaian masalah diterima oleh Islam.
[6 markah]
- b. Terangkan tiga tanggungjawab setiap muslim terhadap negara.
[6 markah]
- c. Terangkan sumbangan anda dalam usaha membasmi kejahilan masyarakat.
[6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA KERTAS 1
BAHAGIAN A

- | | | |
|-------|-------|-------|
| 1. B | 2. A | 3. B |
| 4. C | 5. A | 6. B |
| 7. B | 8. C | 9. C |
| 10. B | 11. D | 12. A |
| 13. B | 14. D | 15. A |
| 16. A | 17. C | 18. A |
| 19. A | 20. A | |

BAHAGIAN B

- 1 a Qisas
b Diat
c Takzir
d Qazaf

- 2 a Hati
b Kufur / Kafir
c 99
d Fitrah beragama
e Rububiyah
f Uluhiyyah

- 3 a. i. Kerja sendiri
ii. Guru, kerani

b. i. Pendapatan tetap / resiko rendah
ii. Mudah untuk menguruskan perbelanjaan

- 4 a Salah
b Salah
c Salah
d Benar
e Benar
f Benar

LATIH TUBI SET 5

SKEMA KERTAS 2

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH								
1.	a.	(i)	Maksud wahyu ialah Kalamullah yang diturunkan kepada para nabi dan rasul melalui perantaraan Jibril terus daripada Allah.	(2 markah)								
		(ii)	Tiga perbezaan antara wahyu dan akal. <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th>Wahyu</th> <th>Akal</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Diturunkan kepada Nabi</td> <td>Dimiliki oleh semua manusia</td> </tr> <tr> <td>Tidak boleh dipinda</td> <td>Boleh berubah</td> </tr> <tr> <td>Bersifat kekal</td> <td>Bersifat sementara</td> </tr> </tbody> </table>	Wahyu	Akal	Diturunkan kepada Nabi	Dimiliki oleh semua manusia	Tidak boleh dipinda	Boleh berubah	Bersifat kekal	Bersifat sementara	3 isi x 2m (6 markah)
Wahyu	Akal											
Diturunkan kepada Nabi	Dimiliki oleh semua manusia											
Tidak boleh dipinda	Boleh berubah											
Bersifat kekal	Bersifat sementara											
	b.	(i)	Dua cara al-Quran membimbing akal manusia berfikir. <ul style="list-style-type: none"> - Dapat melakukan ibadat mengikut syariat. - Dapat mencari bukti kewujudan Allah. 	2 isi x 2m (4 markah)								
		(ii)	ii. Dua cara untuk mewujudkan generasi al-Quran pada hari ini. <ul style="list-style-type: none"> - Wujudkan kelas-kelas al-Quran. - Memperbanyakkan pertandingan Tilawah al-Quran. 	2 isi x 2m (4 markah)								
	C		Dua sebab Allah S.W.T merahsiakan perkara ghaib <ul style="list-style-type: none"> • Menguji keimanan hambaNya • Bukti Kekuasaan Allah S.W.T 	2 isi x 2m (4 markah)								
2.	a.		Maksud insan ialah makhluk istimewa yang boleh berfikir, menerima ilmu dan berkehendak.	2 markah								
	b.	(i)	Perbezaan utama antara manusia dan haiwan ialah akal fikiran.	2 markah								
		(ii)	Tiga kebaikan memerhati dan memikir tentang kejadian manusia. <ul style="list-style-type: none"> - Meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. - Menyedari kelemahan diri - Mengakui keagungan dan kekuasaan Allah. 	3 isi x 2m (6 markah)								

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH
	C	(i)	Tiga Peranan Rasul ialah : <ul style="list-style-type: none"> - Menyeru manusia mentauhid dan menyembah Allah. - Mengajar dan menerangkan perkara-perkara ghaib. - Menyampaikan berita gembira dan pemberi ingatan. - Mengajar manusia cara beribadat yang betul. 	3 isi x 2m (6 markah)
		(ii)	Dua sumbangan alam terhadap manusia ialah : <ul style="list-style-type: none"> - Menyediakan keperluan manusia. - Mengekalkan system semulajadi - Memudahkan pergerakan manusia. 	2 isi x 2m (2 markah)
3.	a.	(i)	Maksud Alamiyyah: Sarwajagat, agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.	2 markah
		(ii)	Bukti bahawa Islam bersifat Alamiyyah: <ul style="list-style-type: none"> • Islam mementingkan perdamaian dan keadilan. • Tiada paksaan dalam memeluk islam. • Setiap amalan akan diberi balasan. • Membela kebenaran dan menentang kabatilan. • Setiap pekerjaan dikira ibadat. 	2 isi x 2m (4 markah)
		(iii)	Prinsip-Prinsip Alamiyyah ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Islam memuliakan manusia. • Nilai keadilan Islam bersifat sejagat. • Islam menjamin hak asasi manusia. • Islam menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran. 	2 isi x 2m (4 markah)
	b.		<ul style="list-style-type: none"> • Dua contoh sifat mahmudah- bersyukur dan tolong-menolong. • Dua contoh sifat mazmumah- mencuri dan mengumpat. 	2 isi x 2m (4 markah)
	c.		Tiga cara mengelakkan diri dari ajaran tersebut. <ul style="list-style-type: none"> • Memberi penekanan pendidikan Islam. • Menguatkuasakan undang-undang yang ketat. • Mengadakan ceramah kesedaran tentang ajaran sesat. 	2 isi x 2m (2 markah)

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH
4.	a.	(i)	Tiga cara memperolehi harta secara halal : <ul style="list-style-type: none"> • Berniaga secara jujur dan tidak menipu • Bekerja sendiri. • Bekerja makan gaji • Melabur dalam saham-saham yang berteraskan Islam. 	3 isi x 2m (6 markah)
		(ii)	Dua contoh sumber harta yang halal dan haram : <ul style="list-style-type: none"> • Dua contoh sumber harta yang halal: melalui perniagaan dan kegiatan pertanian. • Dua contoh sumber harta yang haram: menipu,riba ,rasuah. 	2 isi x 2m (4 markah)
	b.	(i)	Empat pekerjaan yang dibenarkan Islam ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Berniaga • Bertani • Nelayan • Berternak • Guru • Doktor. 	2 isi x 2m (4 markah)
		(ii)	Tiga matlamat bekerja menurut Islam : <ul style="list-style-type: none"> • Mencari rezeki yang halal. • Membangun dan memajukan ekonomi dan negara. • Mendapat keredaan Allah • Mengelak diri daripada bergantung kepada orang lain. 	3 isi x 2m (6 markah)
5.	a.	(i)	Maksud sistem muamalah Islam ialah : Tatacara perhubungan sesama manusia dalam memenuhi keperluan masing- masing yang berkaitan dengan harta,jualbeli dan perdagangan-perdagangan lain.	2 markah
		(ii)	Dua contoh muamalah yang sah: <ul style="list-style-type: none"> • sewa-menyewa • jualbeli • pajak gadai Dua contoh muamalat yang tidak sah: <ul style="list-style-type: none"> • manipulasi • riba • monopoli • perjudian 	2 isi x 2m (4 markah)

NO. SOALAN			SKEMA	MARKAH
	b.	(i)	Empat jenis muamalah ialah: <ul style="list-style-type: none"> • al-Wadiah • al-Rahn • berhutang • sewa-menyewa • jualbeli 	4 isi x 1m (4 markah)
		(ii)	Tiga cara muamalah yang dapat menaikkan taraf ekonomi umat Islam ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Membantu golongan miskin untuk mendapatkan modal perniagaan • Membantu golongan yang kurang bernasib baik. • Mengelak daripada sebarang bentuk kezaliman dan penindasan. 	3 isi x 2m (6 markah)
	c.		Dua akibat orang tidak jujur dalam perniagaan: <ul style="list-style-type: none"> • Harta tidak diberkati. • Melahirkan individu yang mementingkan diri sendiri. • Tiada ketenangan. • Tidak mendapat keberkatan hidup. • Dibenci oleh orang lain. 	2 isi x 2m (4 markah)
6.	a.	(i)	Empat contoh ibadat umum ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Menuntut ilmu • Penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi • Bekerja mencari nafkah untuk keluarga. • Berniaga dengan jujur. • (jawapan yang munasabah diterima) 	4 isi x 1m (4 markah)
		(ii)	Dua perkara yang mengukuh ibadat seseorang : <ul style="list-style-type: none"> • Percaya kepada rukun Iman. • Melaksanakan segala rukun Islam. • Setia berakhlak mulia. • Sentiasa taat kepada pemerintah yang adil. 	2 isi x 1m (2 markah)
	b.		Tiga tanggungjawab suami membentuk keluarga bahagia : <ul style="list-style-type: none"> • Memberikan nafkah zahir dan batin kepada isteri. • Memberi layanan baik kepada isteri dan anak-anak • Memberi didikan agama dengan sempurna kepada ahli keluarga • Berlaku adil jika berpoligami. 	3 isi x 2m (6 markah)

LATIH TUBI SET 5

NO. SOALAN	SKEMA		MARKAH
	c.	(i) Pengertian Negara Islam : <ul style="list-style-type: none"> • Negara yang menjalankan segala urusan pemerintahan dan pentadbirannya berdasarkan hukum Islam. 	(2 markah)
		(ii) Tiga ciri negara Islam : <ul style="list-style-type: none"> • Berdasarkan al-Quran dan Hadis • Jaminan kebebasan hak asasi • Majlis syura sebagai asas pemerintahan • Ketua negara yang adil dan beriman. • Melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar. • Mewujudkan keamanan dan kesejahteraan. 	3 isi x 2m (6 markah)
7.	a.	(i) Penyelesaian masalah menurut Islam ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Menyelesaikan masalah manusia berasaskan syariat Islam yang merangkumi semua aspek kehidupan seperti ekonomi, politik, sosial dan perundangan. 	(2 markah)
		(ii) Tiga ciri penyelesaian masalah diterima Islam : <ul style="list-style-type: none"> • Penyelesaian secara menyeluruh dan bersepadu • Menepati kehendak syarak • Dilakukan secara bersungguh-sungguh. • Merujuk kepada orang yang berilmu. 	3 isi x 2m (6 markah)
	b.	Tiga tanggungjawab setiap muslim terhadap negara : <ul style="list-style-type: none"> • Menumpukan taat setia kepada negara. • Bekerjasama dalam membentaras kebenaran. • Menjaga keselamatan dan mempertahankan negara. • Menuntut ilmu. • Menghormati kebebasan beragama. • Melindungi pemimpin Islam. 	3 isi x 2m (6 markah)
	c.	Sumbangan dalam membasmi kejahilan masyarakat ialah : <ul style="list-style-type: none"> • Mengadakan majlis-majlis ilmu • Memupuk budaya membaca di kalangan anggota masyarakat • Mengadakan kelas bimbingan kepada golongan dewasa. • Mengadalkan pertandingan pidato, esei dan syarahan. 	3 isi x 2m (6 markah)

CATATAN

CATATAN